

PRAKTIS MALAY AS SECOND LANGUAGE

3 Baca e-mel berikut dengan teliti. Tanda (✓) pada jawapan yang betul.

Kepada:	fanny_1@gmail.com
Daripada:	emily21@yahoo.com
Perkara:	Rahsia Kejayaan

Sahabatku, Fanny,

Hai, apa khabar? Terima kasih atas ucapan tahniah anda. Saya pun tidak menyangka akan terpilih sebagai pelajar cemerlang di sekolah.

Maafkan saya kerana lambat membalas e-mel anda. Saya ada banyak kelas dalam talian dan kerja sekolah untuk disiapkan.

Anda bertanya kepada saya tentang persiapan saya untuk menghadapi peperiksaan. Jawapan saya, biasa-biasa sahaja. Selain menumpukan perhatian pada pelajaran di sekolah, mengulang kaji di rumah, dan menghadiri kelas tuisyen, saya juga menyertai kumpulan belajar. Saya dan rakan-rakan saya akan berbincang tentang topik-topik pembelajaran. Saya mendapati cara ini amat berkesan dalam mengingat fakta.

Selain itu saya sering mendekatkan diri dengan guru-guru. Saya akan bertanya kepada guru jika ada topik yang saya kurang fahami.

Bagaimanakah dengan persiapan anda? Tentu anda juga sedang tekun mengulang kaji pelajaran. Saya harap kita mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Sahabatmu,
Emily

(a) Fanny memberi Emily ucapan ...

- A terima kasih
- B syabas
- C selamat

☐
☐
☐

(b) Emily lambat menjawab e-mel Fanny sebab ...

- A lupa
- B malas
- C sibuk

☐
☐
☐

(c) Mengapakah Fanny mengucapkan tahniah kepada Emily?

- A Emily menjawab e-melnya
- B Emily menjadi pelajar cemerlang
- C Emily tekun belajar

☐
☐
☐

(d) Apakah yang ditanyakan oleh Fanny kepada Emily?

- A cara belajar
- B persiapan peperiksaan
- C masa peperiksaan

☐
☐
☐

(e) Berbincang dalam kumpulan belajar dapat mudah ...

- A mengingat
- B faham
- C belajar

☐
☐
☐

(f) Mengapakah Emily mendekatkan diri dengan guru-guru?

- A untuk bertanya
- B untuk faham
- C untuk perhatian

☐
☐
☐

4 Baca e-mel di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

Kepada:	zain-lp@gmail.com
Daripada:	jenna_007@yahoo.com
Perkara:	Salam perkenalan

Hai, Zain. Saya Jenna. Selamat berkenalan.

Usia saya 16 tahun. Hobi saya ialah menulis dan mengembara. Cita-cita saya, menjadi penulis seperti J.K. Rowling.

Rumah saya di Ampang, Selangor. Ampang serba ada. Kemudahan awam dan infrastruktur, pusat beli-belah, hospital, klinik, institusi pengajian tinggi, rumah ibadat, pusat hiburan, semua ada.

Ampang berasal dari perkataan "ampangan", bermaksud kawasan bekas lombong. Dahulu Ampang kawasan perlombongan bijih timah yang terpenting di Selangor.

Saya ada tiga orang adik-beradik. Kak Long saya, 23 tahun, Abang Ngah, 18 tahun, dan adik bongsu saya, 12 tahun. Kak Long sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Incheon dalam bidang perakaunan. Abang Ngah pula sedang mengambil matrikulasi bagi persediaan untuk melanjutkan pelajaran di luar negara.

Bapa saya seorang pengusaha restoran. Restorannya terletak di Plaza Ampang. Ibu saya mengusahakan perniagaan tudung. Ibu berniaga secara *dropship* atau menjual semula. Jual beli dilakukan secara dalam talian. Ibu juga tidak perlu menyimpan barang atau menguruskan penghantaran. Saya akan bercerita lebih lanjut tentang perniagaan ibu dalam blog saya. Walaupun saya tidak minat berniaga kerana lebih gemar menulis, saya tidak keberatan berkongsi cerita.

Saya sangat berbesar hati dapat berkenalan dengan anda. Jadi sudilah untuk menghubungi saya lagi.

(a) Di manakah Jenna tinggal?

.....

(b) Mengapakah Jenna bercita-cita menjadi penulis?

.....

(c) Berapa orangkah ahli keluarga Jenna?

.....

(d) Bagaimanakah bandar Ampang mendapat namanya?

.....

(e) Berapakah usia kakak sulung Jenna?

.....

(f) Bapa Jenna bekerja sebagai apa?

.....

(g) Bagaimanakah cara berniaga secara *dropship* atau menjual semula? Beri **dua** jawapan.

1

2

(h) Apakah yang akan diceritakan oleh Jenna dalam blognya?

.....

(i) Mengapakah Jenna tidak gemar berniaga?

.....

(j) Apakah yang membuat Jenna berasa bangga?

.....

(k) Apakah permintaan Jenna?

.....



Anda diberikan borang rekod pencapaian kokurikulum untuk diisi.

Lengkapkan borang ini dalam **Bahasa Melayu**.

REKOD PENCAPAIAN KOKURIKULUM			
Maklumat Peribadi			
	Nama		
	Tarikh lahir		
	Tempat lahir		
	Tinggi		Berat
Alamat surat-menyurat			
Rekod Penglibatan dan Pencapaian			
Kelab/Persatuan	1. Jawatan: 2. Jawatan: 3. Jawatan:		
Aktiviti sukan	1. 2. 3. 4.		
Aktiviti pertandingan	1. 2. 3. 4.		
Tandatangan pelajar: _____			